

Memahami dan melaporkan : Jenayah dan insiden bersifat kebencian

Apakah ertinya jenayah bersifat kebencian atau insiden bersifat kebencian?

Jenayah bersifat kebencian ialah apa-apa jenayah yang mangsa atau sesiapa sahaja berpendapat bahawa jenayah dan insiden tersebut didorong oleh prejudis atau kebencian terhadap :

- **Kaum** : warna kulit seseorang atau negara asal mereka
- **Agama**: agama atau kepercayaan seseorang
- **Kecenderongan seksual**: siapa yang seseorang itu cintai - orang biseksual, gay, heteroseksual dan lesbian
- **Kurang upaya**: keadaan jasmani atau mental yang mempunyai kesan negatif terhadap keupayaan seseorang untuk melakukan aktiviti harian
- **Dentiti transgender**: apabila identiti peribadi dan jantina seseorang tidak sepadan dengan jantina seseorang semasa dia dilahirkan, misalnya seseorang yang dilahirkan lelaki tetapi memperkenalkan dirinya sebagai wanita

Jenayah ialah sesuatu yang melanggar undang-undang negara seperti serangan fizikal, kerosakan jenayah, atau kecurian.

Dalam erti kata lain, **jenayah + permusuhan/prasangka = jenayah bersifat kebencian**

Kadang-kadang kita mungkin menjadi saksi atau mangsa prasangka atau kebencian pada masa tidak ada jenayah yang telah dilakukan atau pada masa kita tidak pasti kalau jenayah telah dilakukan. Misalnya, bahasa rasis atau homofobik di jalan atau dalam talian. Inilah apa yang dikatakan **insiden bersifat kebencian**. Walaupun insiden bersifat kebencian mungkin bukan satu jenayah, insiden-insiden ini dirasai sebagai jenayah bagi mereka yang mengalaminya dan seperti jenayah-jenayah bersifat kebencian, insiden-insiden ini harus dilaporkan kepada polis

- Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa jenayah atau insiden bersifat kebencian. Misalnya, anda mungkin disasarkan kerana seseorang itu fikir anda penganut sesuatu agama tertentu, walaupun bukan, atau kerana anda mempunyai seorang anak yang kurang upaya walaupun anda tidak.
- Orang yang melakukan jenayah atau insiden ini mungkin seseorang yang anda kenal atau mungkin tidak kenal



Bagaimana untuk melaporkan jenayah dan insiden bersifat kebencian

Sesiapa sahaja - mangsa atau saksi - boleh melaporkan jenayah bersifat kebencian. Kalau anda seorang mangsa atau saksi jenayah atau insiden bersifat kebencian, polis menggalakkan anda untuk membuat laporan. Tidak ada insiden bersifat kebencian yang dianggap terlalu kecil atau tidak penting untuk dilaporkan. Semua jenayah dan insiden bersifat kebencian adalah penting, salah dan tidak boleh diterima. Anda boleh membuat laporan:



Sendir

- Di balai polis
- Di sebuah tempat pihak ketiga - ini ialah pusat-pusat berasaskan komuniti di mana ada anggota atau kakitangan yang boleh membantu mangsa/saksi untuk mengisi borang-borang laporan. Bukannya mudah untuk mencari pusat laporan pihak ketiga yang terdekat.



Melalui panggilan telefon

- Kepada polis menggunakan nombor 999 dalam keadaan kecemasan atau seseorang itu dalam bahaya
- Kepada polis menggunakan nombor 101 kalau bukan keadaan kecemasan dan tidak ada bahaya segera
- Kepada pilihan lain, seperti Stop Hate UK (0800 138 1625) yang menawarkan perkhidmatan laporan jenayah bersifat jenayah yang bebas dan sulit



Dalam talian

- Kepada polis menggunakan perkhidmatan dalam talian melalui laman sesawang True Vision: www.report-it.org.uk - cara ini membolehkan anda membuat laporan tanpa mengguna nama anda

Membuat keputusan untuk melaporkan jenayah atau insiden bersifat kebencian

Banyak jenayah atau insiden bersifat kebencian tidak dilaporkan. Di bawah ini ialah beberapa sebab sesetengah mangsa atau saksi membuat keputusan untuk tidak melaporkan kepada polis. Ada beberapa maklumat tambahan untuk membantu anda membuat keputusan berpengetahuan sekiranya anda seorang mangsa atau saksi.

“Tidak ada maknanya. Polis tidak akan berbuat apa-apa atau menganggapnya remeh”

Polis menganggap jenayah bersifat kebencian sebagai keutamaan penting. Walau bagaimanapun, seringkali tidak ada cukup bukti bagi polis untuk menyiasat atau untuk mencari orang yang melakukannya. Membuat laporan membantu polis untuk memahami sejauh mana ada jenayah bersifat kebencian di kawasan anda supaya mereka boleh bertindak dengan lebih baik dan mencegah jenayah ini dilakukan kepada orang lain.

“Saya tidak mahu bercakap dengan polis, saya tidak percaya polis”

Polis mahu anda memberitahu kepada mereka kalau anda seorang mangsa atau saksi jenayah bersifat kebencian dan kebanyakan pegawai polis akan melayani anda dengan baik dan rasa hormat. Kalau dengan apa-apa sebab tertentu, anda tidak mahu melibatkan polis, anda boleh melaporkan jenayah bersifat kebencian secara sulit dalam talian (lihat di atas)

“Membuat laporan mengambil masa yang lama”

Kebanyakan borang jenayah bersifat kebencian dalam talian boleh diisi dalam masa beberapa minit sahaja - kalau anda memberi butir maklumat anda, polis akan menyusuli dengan panggilan telefon atau akan melawat. Kalau anda membuat laporan tanpa memberi nama anda, polis tidak akan menghubungi anda.

“Kebencian adalah perkara biasa, ia berlaku setiap hari. Lebih baik jangan kata apa-apa”

Jenayah bersifat kebencian bukan perkara yang biasa, ia tidak boleh diterima dan melaporkan mengenai jenayah ini akan membantu menghentikannya.